

Negara ASEAN Bebas Tambah Aset Pertahanan Tanpa Timbulkan Ancaman - Zahid Bernama
18 Mac, 2012

BAGAN DATOH, 18 Mac (Bernama) -- Negara anggota ASEAN bebas mengamalkan dasar pertahanan sendiri termasuk menambah aset bagi memperkukuhkan kedudukan pertahanan masing-masing tanpa menimbulkan rasa terancam di kalangan negara anggota pertubuhan serantau itu.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata Malaysia tidak pernah berasa terancam dengan negara serantau yang bercadang menambah aset mereka termasuk Indonesia.

Katanya Malaysia mempunyai hubungan persahabatan yang rapat dengan negara anggota Asean dan tidak bimbang dengan tindakan mana-mana negara membeli aset pertahanan.

Beliau berkata pembelian aset pertahanan adalah satu perkara biasa, termasuk Indonesia yang mempunyai banyak pulau untuk dikawal.

"Sehubungan itu, Indonesia yang merupakan sahabat kita yang paling rapat, pembelian aset ketenteraan bukan perkara sensitif bagi negara ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada 1,000 penerima di Sekolah Menengah Kebangsaan Rungkup, di sini.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653365>